



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

SAMBUATAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN

DAN PROGRAM PENDAFTARAN KAD PENGENALAN KUDA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

19 JULAI 2025 | RESORT SERI NIPAH, BACHOK, KELANTAN

Sail

KELANTAN, 19 Julai - Pelbagai aktiviti menarik diadakan sempena Sambutan Hari Kebajikan Haiwan 2025 Peringkat Kebangsaan dan Program Pendaftaran Kad Pengenalan Kuda yang diadakan di Resort Seri Nipah, Bachok, Kelantan pada 19 Julai 2025. Antaranya program pertandingan Kuda Smart, taklimat Kebajikan Haiwan dan Kad Pengenalan Kuda, aktiviti Joy Ride kuda, pertandingan mewarna, pameran, jualan dan banyak lagi.

Sambutan anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin bin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kerajaan Negeri Kelantan diiringi YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan YBrs. Dr. Yahasmida binti Yaacob, Pengarah DVS Negeri Kelantan.

Bersesuaian dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu "*Pemilik Prihatin, Haiwan Terjaga*" yang menumpukan kepada usaha mempromosikan kebajikan haiwan di Malaysia dan menjadikan pemilikan haiwan bertanggungjawab sebagai amalan masyarakat.

Program ini juga turut bertujuan mempromosikan tanggungjawab menyediakan tanda pengenalan bagi pemilikan haiwan melalui kad pengenalan dan mikrochip di mana program pemasangan mikrochip untuk kuda dan pendaftaran kad pengenalan kuda turut diadakan bagi hampir 100 ekor kuda.

DVS ingin menegaskan bahawa kesedaran terhadap kebajikan haiwan adalah tanggungjawab bersama semua pihak pelbagai lapisan masyarakat. Perasaan kasih, ihsan dan belas terhadap haiwan perlu dipupuk dari kecil lagi dan disokong dengan persekitaran yang cenderung dengan nilai-nilai yang positif.

Individu atau persatuan berkaitan haiwan dinasihatkan untuk menyalurkan aduan berhubung kebajikan haiwan kepada pihaknya terus ke pautan sistem dalam talian awa.dvs.gov.my (MyAnimalwelfare).

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi DVS sentiasa komited melaksanakan hebahan dan inisiatif kepada orang awam dalam memupuk serta meningkatkan kesedaran berkaitan kebajikan haiwan di negara ini selari dengan aspirasi negara untuk memastikan kesejahteraan haiwan terus terpelihara.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
19 Julai 2025**